



**MEMO PERHUBUNGAN
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR**

DARIPADA	KJHEP, POLITEKNIK JELI	TARIKH	04 APRIL 2026
		RUJUKAN	PJK.J05.700-7/1/1(31)
KEPADA	PELAJAR POLITEKNIK JELI KELANTAN		
SALINAN	PENGARAH, TP, TPA & PA		
PERKARA	PERINGATAN TEGAS BERKAITAN ETIKA PENAMPILAN DIRI PELAJAR DI DALAM KAMPUS		

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Pihak PJK memandang serius tahap pematuhan etika penampilan diri dalam kalangan pelajar sejak kebelakangan ini. Terdapat pelajar lelaki yang berambut panjang dan berwarna, serta pelajar perempuan yang tidak menepati garis panduan yang telah ditetapkan.

3. Sehubungan itu, semua pelajar adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi etika penampilan diri yang telah ditetapkan oleh pihak politeknik, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Pelajar lelaki hendaklah berambut kemas, pendek dan tidak diwarnakan;
- Pelajar perempuan hendaklah berpakaian sopan, tidak menjolok mata serta sesuai dengan imej sebagai pelajar institusi pendidikan tinggi;
- Penampilan keseluruhan hendaklah sentiasa kemas, bersih dan profesional semasa berada di dalam kampus..

4. Sebarang pelanggaran terhadap etika penampilan diri ini akan dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Pelajar juga boleh dihalang daripada memasuki kelas, makmal atau mana-mana premis rasmi sekiranya gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kegagalan untuk mematuhi arahan ini menunjukkan sikap tidak berdisiplin dan tidak menghormati peraturan institusi.

Sekian.


(NAWAWI BIN ISMAIL)
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Jeli Kelantan